4. Anda boleh dapatkan sumber percuma untuk belajar berniaga di ebay dengan menyertai perbincangan di forum wangcyber.com. Sangat banyak ilmu yang berguna yang anda boleh dapatkan disini

Klik Sini <http://www.wangcyber.com/forum/ebay/>

5. Saya juga akan beri pada anda beberapa buah ebook yang dihasilkan oleh Saudara Eruwan Gerry berkenaan cara berniaga di lelong.com.my dan ebay.com.my

Senarai ebook untuk didownload :

Ebook Panduan Berniaga di Ebay.

<http://iluvsuperstore.com/rahsiatrafik/ebayebooks.zip>

Ebook Panduan Berniaga di Lelong.com

<http://iluvsuperstore.com/rahsiatrafik/transaksihebat.pdf>

http://iluvsuperstore.com/rahsiatrafik/koleksi_2007.zip



MEMBINA KEDAI ONLINE CARA MUDAH

6. Anda boleh mempromosikan produk di laman web ini di <http://lelong.com.my>. Laman web ini mendapat pelawat unik melebihi 30 ribu dalam sehari. Oleh itu anda bakal mendapat trafik tinggi. Daftar sebagai ahli di lelong kemudian top-up akaun anda RM21 dan tempah iklan Teks / banner bersaiz 130x30 di bahagian Item Listing. Harga iklan minimum RM21 seminggu sahaja. Jika anda menempah iklan teks/banner 130x30 di muka hadapan laman web lelong, harga yang anda perlu bayar ialah RM35 minimum.

Pemasaran Secara Offline

Anda boleh mempromosikan *website* anda secara *offline*. Salah satu caranya ialah dengan mengedarkan brouchere/flyers/risalah di kedai-kedai, Stesen Minyak, Pejabat-pejabat, IPT, surau dan masjid dan juga di ekspo-ekspo untuk promosikan produk, website dan servis anda. Anda boleh mulakan dengan kos serendah RM10.

Sekiranya anda perlukan, kami ada contoh brouchere yang diedarkan secara offline.

Anda juga boleh meletak flyers tersebut di kedai-kedai dengan memberikan sedikit bayaran kepada pemilik kedai tersebut.

Anda juga boleh berjumpa secara *personal* dengan pemilik-pemilik kedai untuk mempromosikan servis kedai online anda. Kami ada pengalaman menggunakan kaedah ini. Kami ada contoh **kertas kerja** untuk mempromosikan servis kedai online kepada pemilik kedai. **Sekiranya berminat, khas untuk pembeli kami, anda boleh menghantar email kepada kami bagi mendapatkan kertas kerja tersebut.**

Anda juga boleh mengadakan join venture (JV) dengan pemilik kedai dengan melakukan projek *win-win situation*. Sebagai contoh, anda dibenarkan meletak banner/banting di kedai tersebut untuk mempromosi *website* anda, dan anda pula mempromosi produk/kedai mereka secara online.

Boleh gunakan bahan-bahan disini sebagai rujukan untuk anda:

<http://iluvsuperstore.com/rahsiatrafik/40rahsiabisnes.zip>



[Menjana Trafik ke Laman Web Secara Percuma dan White Hat](#)

Dipetik daripada: <http://www.internetmelayu.com/blog/2009/08/18/menjana-trafik-ke-laman-web-secara-percuma-dan-white-hat/>

Bagi sesiapa yang mempunyai laman web atau blog di internet, sudah pasti perkara yang paling penting ialah untuk menjanakan trafik – iaitu untuk menambahkan bilangan pengunjung ke laman web atau blog kita.

Anda mungkin mempunyai laman web tercantik di dunia, dengan grafik flash dan special effects yang memukau dan terkini tetapi jika tiada orang yang mengunjungi laman web anda, maka laman web tersebut akan terkapar-kapar keseorangan di lautan internet yang luas.

Hantar Artikel ke Direktori Artikel ([Pemasaran Artikel](#))

Salah satu cara yang paling asas, yang mungkin anda sudah tahu, ialah menjanakan trafik melalui penulisan artikel dan menghantarnya ke direktori artikel seperti ezinearticles.com dan goarticles.com. Ini juga dikenali sebagai pemasaran artikel, pemasaran rencana atau ‘article marketing’.

Saya akui, memang saya MALAS nak tulis artikel untuk diletakkan pada direktori artikel tetapi disebabkan ia adalah yang paling mudah dan percuma untuk dilaksanakan, saya memaksa juga diri untuk menulis 1-2 artikel setiap hari.

Ye, memang mudah untuk menggunakan PPC untuk menjanakan trafik tetapi kos membayar untuk PPC agak mahal. Saya pernah kerugian beribu-ribu ringgit semasa tengah bereksperimen dengan PPC.

Setelah lama meninggalkan penulisan artikel untuk direktori, saya telah menetapkan sebulan yang lalu untuk setiap minggu hantar ke direktori artikel. Hasilnya, saya dapat platinum author status di ezinearticles.com tanpa perlu bayar apa-apa pun. Alhamdulillah.

Hantar Video ke Youtube dan Seumpamanya (Pemasaran Youtube)

Okay, yang ini saya akui saya pernah ambil video orang lain dari Youtube dan upload balik sebagai video saya. Saya akui, akaun Youtube saya pernah kena ban kerana kegiatan ini. Jadi saya tak galakkan anda ambil video orang lain dan uploadkan kerana:

- masalah video copyright
- kalau tak ada copyright pun, pemilik video boleh report ke Youtube dan anda akan kena ban juga.



MEMBINA KEDAI ONLINE CARA MUDAH

- Youtube kini adalah milik Google. Maka jika anda ada buat hal pada Youtube sampai kena ban, takut akaun Adsense anda pun terjejas sekali. Jadi berhati-hati!

Saya sarankan anda download Camtasia Studio trial 30-hari (<http://techsmith.com/download/trials.asp>).

Baca dulu tutorial cara menggunakan Camtasia Studio dan faham betul-betul sebelum anda install. FAQ Camtasia di sini: <http://www.techsmith.com/learn/camtasia/getting-started>

Sebelum anda install Camtasia, rancang dulu untuk rakam apa. Kalau boleh, biar ada 4-5 idea untuk anda rakam dengan Camtasia. Bila dah rancang benar-benar, barulah anda install Camtasia 30-hari trial tu. Sebab nanti, kalau anda tak plan dulu, nanti dalam anda asyik-asyik berfikir nak buat video tentang apa, versi trial anda expired pula!

Katakan anda ada salespage yang menjual ebook cara membina blog, misalnya ebook Zul Smartusaha ([Pakej Kit Blogger](#)). Anda boleh rakamkan screenshot salespage anda dan beri keterangan tentang faedah-faedah membeli ebook tersebut. Anda juga boleh tunjuk cara anda bina blog berdasarkan maklumat pada ebook tersebut.

Kalau anda tak suka nak ambil screenshot laman web, anda boleh juga buat dulu presentation dengan Microsoft Powerpoint atau OpenOffice.org Impress (percuma di openoffice.org).

Selepas itu, anda rakam saja screen yang ada presentation tersebut. Cara ini senang kerana anda tak perlu nak edit masuk text (perkataan) di dalam video tersebut dan senang nak kawal kandungan video.

Artikel dalam bentuk Video ([Pemasaran Artikel Video](#))

Anda boleh juga bina artikel video (video article), di mana anda bina slideshow berbentuk text (huruf/perkataan) dan rakamkan. Artikel video tersebut mungkin tentang perkhidmatan yang anda beri atau tentang produk yang anda jualkan pada laman web. Pada hujung video tersebut anda link ke laman web anda.

Sebagai contoh, anda mempunyai laman web tentang joran atau memancing. Anda bina satu artikel video yang menceritakan tentang keseronokkan berjoran. Kemudian anda link ke laman web anda yang menjual ebook tentang joran ataupun produk affiliate seperti peralatan memancing.

Cara ini saya belum test lagi tapi rasanya tak lama lagi saya akan cuba. Saya lihat terdapat juga IM luar negara sudah mempraktikkannya.



MEMBINA KEDAI ONLINE CARA MUDAH

Laman Facebook dan Twitter (Facebook and Twitter Marketing)

Jika anda mempunyai produk sendiri, anda boleh cuba promosikannya melalui Facebook dan Twitter. Sebenarnya, sebelum anda ada produk untuk dijual, anda patut buka saja akaun di Facebook dan Twitter, kumpulkan dulu pengikut (followers). Tulis sesuatu yang berfaedah setiap minggu ke, kalau tak dapat setiap hari.

Bila anda sudah menggunakan Facebook dan Twitter untuk beberapa bulan, anda sudah pasti mengumpul ramai 'kawan' dan 'followers'. Jika anda ingin melancarkan produk baru, anda hanya perlu hantar mesej saja kepada mereka. Saya pernah membuat jualan yang agak baik dengan cara ini, tanpa menggunakan autoresponder. Jimat wang! Oh ye, tapi jangan SPAM yer ... dan jangan selalu sangat buat promosi jualan sebab nanti orang pun dah lali ...

Kesimpulan:

Sebenarnya terdapat banyak cara untuk menjanakan trafik ke laman web atau blog tanpa membayar untuk PPC seperti Adwords dan YSM. Jika bajet anda rendah dan anda mempunyai masa terluang, anda boleh cuba teknik-teknik yang disarankan diatas.

Semoga berjaya dapatkan trafik yang ramai! Dan pastikan ia secara 'bertopi putih'



Banyak lagi kaedah pemasaran...

Terdapat banyak lagi kaedah pemasaran, yang penting anda perlu mencuba seberapa banyak yang boleh dan lakukan sehabis baik.

Saya bukan lah orang yang pakar tentang pemasaran kerana saya juga masih belajar lagi teknik-teknik pemasaran. Tetapi, saya amat menyarankan anda membaca perbincangan di forum wangcyber.com mengenai kaedah pemasaran *online*. Sangat banyak informasi berguna disini.

Saya suka membaca forum wang cyber kerana banyak ilmu yang saya dapat di forum tersebut. Anda juga patut menyertai secara aktif di forum ini. Bonus untuk anda, anda juga mudah mendapat pelanggan dari forum ini sekiranya anda mampu menjadi ahli forum yang baik.

<http://www.wangcyber.com/forum/teknik-pemasaran-internet/>

<http://www.wangcyber.com/forum/tips-and-panduan/>

Download Ebook Menarik Trafik Ke Website anda Disini

Bagaimana Menggunakan Website Social Bookmarking untuk menarik trafik ke website anda.

<http://iluvsuperstore.com/trafikgunasocialbookmark.pdf>

Bagaimana Guna Seo Cara Mudah

<http://iluvsuperstore.com/belajarseomudah.pdf>

Belajar Cpanel disini

<http://iluvsuperstore.com/cPanel.exe>



Kisah Kejayaan Peniaga Produk Fizikal Secara Online



Pengalaman ini diceritakan sendiri oleh Puan Noor Hafizah.

Nama saya ialah Noor Hafizah Ariffin dan berumur 28 tahun serta sudah berkahwin. Sebelum memulakan perniagaan secara online sepenuh masa, saya bekerja sebagai Jurutera Elektrik selama hampir 2 tahun selepas mendapat ijazah dalam Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari salah sebuah universiti di Jepun.

Semasa tinggal di Jepun, saya amat suka membeli-belah secara online. Anda boleh membeli-belah 'apa saja' dari pakaian sehinggalah kereta secara online. Sebagai negara maju, Jepun menyediakan customer service yang amat cekap. Dari sinilah timbul idea untuk menjalankan perniagaan secara online setelah mendapati Malaysia amat kurang menawarkan perniagaan secara online.

Pada masa ini, saya menjual barangan berjenama yang original seperti beg tangan, wallet/purse, sunglasses, aksesori dan perfumes. Anda boleh jumpa kedai saya di wanitamelayu.com iaitu '[GB's Boutique by goodbargain](http://www.primochic.com)' atau lawati laman web <http://www.primochic.com>. Anda juga boleh hubungi saya di nombor 017-3570029 atau email: feeza@primochic.com. Buat masa ini, saya menjual barangan secara terus kepada pelanggan dan kepada peniaga secara borong dan dropshipping.

Sekiranya anda mahu memulakan perniagaan secara online atau offline, sesungguhnya ia memerlukan tahap pengorbanan yang amat tinggi. Keuntungan setiap bulan adalah berbeza-beza



MEMBINA KEDAI ONLINE CARA MUDAH

dan secara puratanya saya mampu meraih keuntungan antara RM3000-RM5000 setiap bulan.

Sebagai peniaga, anda perlu berfikir secara kreatif untuk menarik pelanggan kerana amat ramai competitors di luar sana. Sungguhpun ramai competitors dan ada sesetengah mereka yang menjual barang yang sama, keyakinan diri amat perlu. In fact, penghalang kepada kemajuan diri adalah diri anda sendiri. Jangan pedulikan apa orang lain kata. Hanya fokuskan apa yang anda mahu dalam hidup. Even though it's 'not easy', just do your current best.

Sekiranya anda mahu menceburi perniagaan online, tips yang amat berguna dan juga digunakan oleh saya selama ini ialah, 'consider all the cost'. Perniagaan online amat memerlukan laman web dan sebagai langkah permulaan, saya memulakan perniagaan online dari free blog websites seperti blogger.com, wordpress.com dan sebagainya.. Setelah itu, anda boleh upgrade nama blog kepada domain sendiri dengan kos yang amat rendah(hanya \$10 setahun di blogger.com). Jika anda mempunyai modal yang lebih, anda boleh mengupah website designer untuk membuat laman web yang canggih. Bagi saya, tak perlu laman web yang canggih dan fancy sekiranya anda tidak berjaya menjual produk kepada pelanggan.

Menjual seberapa banyak mungkin hendaklah diberikan fokus utama. Sasarkan target jualan anda setiap bulan sebagai contoh; RM10,000 pada bulan December 2009. Letakkan target jualan di tempat yang anda mudah nampak seperti print out di atas kertas dan tampal di dinding bilik tidur. Ataupun anda boleh lekatkan 'post-it' note di atas screen computer. Anda boleh lakukan apa jua cara yang ada suka asalkan ianya membantu motivasi diri anda.

Perniagaan online dan fizikal amatlah berbeza sama sekali. Melalui online, pelanggan hanya boleh melihat barangan melalui gambar yang disediakan. Oleh itu, gambar produk yang hendak dipamerkan mestilah jelas dan terang. Ambil gambar dari pelbagai sudut dan jelaskan kelebihan produk anda secara detail.

Pemilihan produk yang hendak dijual juga hendaklah berdasarkan demand, bukannya atas 'syok sendiri'. Bagaimana hendak tahu ada 'high demand' atau tidak? Search melalui google dengan taipkan keyword sesuatu produk dan lihat berapa banyak website yang sudah menjual produk tersebut. Jika tidak banyak, maka ianya berpotensi untuk dikembangkan. Jika sudah banyak, anda cari apakah kelemahan atau ketidak-puasan hati pelanggan terhadap produk atau servis tersebut. Anda juga boleh menggunakan [keyword tracker](#) untuk buat research terhadap sesuatu keyword.

Untuk memasarkan produk secara online, anda hendaklah memastikan keyword yang ditulis adalah 'betul' dan bertepatan dengan yang barangan yang dijual. Sekiranya anda menjual 'maajun



MEMBINA KEDAI ONLINE CARA MUDAH

wanita', sila tulis tajuk barangan yang bersesuaian dengan 'maajun wanita'. Oleh itu, bila pelanggan anda search dalam internet, produk anda akan tersenarai dalam website yang menjual maajun wanita.

Anda juga boleh menarik pelanggan dengan membeli 'advertisement space' di dalam google melalui google adwords atau di sesetengah website popular. Setiap website yang mempunyai high ranking ada menyediakan advertisement space dengan kadar yang berpatutan. Sekali lagi, 'consider the cost'. Anda boleh testing beli advertisement space di sesetengah website dan lihat prestasinya melalui jualan. Jika jualan anda meningkat melalui advertisement di website A, maka anda boleh meneruskannya. Jika sebaliknya, anda boleh berhenti dan teruskan experiment di website lain pula.

Sekiranya anda suka berforum atau blogging, ianya juga salah satu platform yang berkesan untuk membina kredibiliti anda sebagai peniaga. Anda boleh sertai pelbagai jenis forum atau menulis blog dan fokus kepada bidang yang anda minati. Hubungan baik dengan forumers dan blog visitors dapat meningkatkan keyakinan pelanggan kepada anda. Hanya pastikan segala yang anda buat 'worth it' dan berjaya meningkatkan jualan setiap bulan.

Dalam perniagaan, 'experiment' amatlah penting. Kadangkala, sesuatu method hanya berkesan untuk jangka masa tertentu saja. Sekiranya sesuatu method tidak menguntungkan lagi, anda hendaklah beralih kepada cara yang lain pula.

Sebagai peniaga yang tidak mempunyai asas dalam bidang perniagaan, anda boleh menimba ilmu melalui pembacaan. Banyakkan membaca buku-buku berkaitan orang yang berjaya seperti Bill Gates. Kita akan rasa teruja dan terdorong untuk berusaha lebih kuat lagi. Peniaga juga tidak boleh mudah berputus asa. Anggaplah kegagalan pertama sebagai pelajaran bernilai untuk diri sendiri. Pelajaran yang amat bernilai walaupun anda kehilangan sejumlah wang. Ingatlah, penghalang dari mencapai kejayaan adalah diri anda sendiri, bukannya orang lain.

Akhir kata, saya berharap agar info yang dikongsi di atas dapat dimanfaatkan oleh anda semua. Walaupun perniagaan online dapat dijalankan di rumah, tapi ianya menuntut masa yang tinggi untuk betul-betul berjaya. Secara purata, saya bekerja lebih dari 8 jam sehari, lebih dari bekerja sebagai jurutera di syarikat swasta. Sungguhpun begitu, saya enjoy dan seronok dengan apa yang saya lakukan sekarang. Do things that make you happy. It's the most important key of success.



MEMBINA KEDAI ONLINE CARA MUDAH



Temuramah Eksklusif Bersama Puan Azlina.

Pemilik Portal <http://forum.wanitaniaga.com/>

One Stop Nur Iman(OSNI): Assalamualaikum Puan Azlina, boleh ceritakan serba sedikit tentang latar belakang diri.

Puan Azlina: Waalaikumsalam. Nama Penuh saya Norazlina Ramdzan. Saya berumur 35 tahun. Saya telah berkahwin dan mempunyai 4 orang anak iaitu (3 Lelaki 1 Perempuan)

OSNI: Boleh ceritakan serba sedikit Latar belakang pendidikan dan kerjaya:

Puan Azlina: Saya mendapat pendidikan tertinggi sehingga Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Universiti Malaya). Pada tahun 1998-2003 saya bertugas sebagai Eksekutif Pemasaran Takaful Keluarga, Takaful Malaysia. Pada tahun 2003- 2004 : Unit Manager, Takaful Ikhlas (Ada membuka pejabat Agensi Takaful selama 5 bulan tetapi terpaksa dihentikan kerana berhijrah. Pada tahun 2004 – 2008, saya berhijrah ke Negara Jepun kerana mengikut suami yang bertugas di sana selama 4 tahun. Bermula dari situ, saya telah berjinak2 mempelajari selok belok berniaga di internet. Alhamdulillah hingga kini masih kekal menjalankan perniagaan di internet malah telah meningkatkan kemampuan diri dengan menjadi Pusat Edaran bagi produk fizikal iaitu Aromaterapi Sutra. Kerjaya kini adalah sebagai Usahawan sepenuh masa dengan memasarkan produk-produk di internet dan juga sebagai Pusat Edaran Aromaterapi Sutra.

OSNI: Boleh Puan Azlina ceritakan apakah bentuk perniagaan online yang dijalankan sekarang?

Puan Azlina: Buat masa ini, saya menjalankan beberapa jenis perniagaan online. Antaranya ialah:

- Portal Komuniti Usahawan Wanita
- Web Hosting
- Reseller Ebook



MEMBINA KEDAI ONLINE CARA MUDAH

- Muslimah Dolls
- Pad Herba Susen
- Distribution Centre Produk Sutra (Pemasaran adalah secara online dan offline)

OSNI: Boleh Puan Azlina beritahu senarai website puan yang terkini?

Puan Azlina : Berikut senarai website saya.

1. Website : <http://wanitaniaga.com>
2. Website Portal : <http://forum.wanitaniaga.com>
3. Website webhosting : <http://iqhoster.com>
4. Reseller Ebook :
 - a. <http://panduanblog.wanitaniaga.com>
 - b. <http://wanitaniaga.com/pakejgrafik>
 - c. <http://panduanaffiliates.com>
5. Muslimah Dolls : <http://muslimahdolls.com> atau <http://muslimdolls.wanitaniaga.com>
6. Pad Herba Susen : <http://susenonline.wanitaniaga.com>
7. Aromaterapi Sutra : <http://myaromaterapi.com>
8. Blog Tips Usahawan Wanita : <http://wanitaniaga.com/tips>

OSNI: Boleh Puan nyatakan jenis perniagaan yg dijalankan(apa produk yang dijual) dan sekiranya ada gabungkan dengan offline, sila nyatakan apa bentuk perniagaan tersebut?

Puan Azlina: Ya, saya melakukan kedua-dua jenis perniagaan, produk fizikal dan digital. Saya juga ada menggabungkan Perniagaan offline dengan online iaitu Produk Sutra Aromaterapi

OSNI: Boleh puan nyatakan berapakah anggaran pendapatan sebulan sebagai peniaga online?

Puan Azlina: Alhamdulillah, setakat ini sekitar RM 4000 dan ke atas

OSNI: Boleh puan nyatakan nama company puan yangdigunakan untuk bisnes online sekarang?

Puan Azlina: Nama syarikat saya sekarang ialah Wanita Niaga Enterprise.

OSNI: Boleh puan berikan nombor telefon atau alamat atau email untuk dihubungi sekiranya pelanggan mahu membeli barangan dan produk puan?



MEMBINA KEDAI ONLINE CARA MUDAH

Puan Azlina: Ya, ini alamat pejabat saya sekarang, Wanita Niaga Enterprise No. 21-1, Jalan BRP 1/6A, Bukit Rahman Putra, 47000 Sg Buloh, Selangor
Email : admin@wanitaniaga.com No. tel / fax : 03-61488430 No.hp : 014-6692844

OSNI: Boleh puan nyatakan barang dijual secara terus kepada pelanggan atau kepada peniaga atau secara borong atau secara dropshipping ?

Puan Azlina: Saya melakukan 4 jenis jualan untuk semua produk saya. Yang pertama Secara Terus (Online) kepada pelanggan yang berminat untuk membeli. Yang Kedua melalui pengedar yang dilantik. Yang Ketiga melalui kaedah dropshipping. Yang keempat melalui kaunter iaitu kaunter pameran yang disertai

OSNI: Boleh puan ceritakan sejarah bagaimana mula terlibat dengan perniagaan menjual produk fizikal secara online?

Puan Azlina: Ya, saya ceritakan sedikit pengalaman saya. Melalui pengalaman berniaga selama 3 tahun di internet dan terbukti pemasaran produk fizikal secara online mampu meraih pendapatan lumayan. Produk pertama yang dipasarkan 3 tahun dulu ialah Kad Score A. Namun saya telah berhenti dari memasarkan produk tersebut. Laman web Score A ialah <http://e-scorea.com> dan merupakan laman web pertama saya. Seterusnya laman web kedua ialah <http://wanitaniaga.com> yang diwujudkan untuk menyatukan usahawan2 wanita yang berminat dalam bidang keusahawan juga bertujuan untuk mendidik para usahawan baru agar dapat mempelajari ilmu berniaga khususnya secara online dengan cara yang betul.

OSNI: Boleh puan ceritakan bagaimana cara promosi sehingga mampu meraih keuntungan RM500 keatas sehingga 4 angka keatas. Apakah perkara yang dilakukan?

Puan Azlina: Ya, saya ada melakukan beberapa kaedah pemasaran bagi memastikan produk saya terjual secara online. Ada beberapa cara yang saya senaraikan disini:

1. **Pemasaran melalui website.** Setiap produk ada website tersendiri dan tidak bercampur dengan produk-produk lain. Senarai laman web ada dinyatakan di atas. Saya mempunyai target market tersendiri untuk setiap produk yang saya pasarkan. Justeru, adalah menjadi amalan saya untuk menyiapkan satu laman web untuk satu produk. Semua website adalah dibawah pengawasan saya dan ditulis sendiri.
2. **Pemasaran melalui email kepada subscribers.** Semua promosi akan saya hantar melalui email.



MEMBINA KEDAI ONLINE CARA MUDAH

3. **Pemasaran melalui YM.** Saya biasanya akan meletakkan status promosi saya di status ym ID saya. Dari situ selalunya ada prospek datang bertanya. Dalam satu-satu masa sekiranya saya online, maksima ym saya adalah seramai 3-5 orang. Kebanyakannya bertanya tentang produk dan perkhidmatan yang saya jalankan.
4. **Follow up.** Sangat penting dan sentiasa saya amalkan dari dulu hingga sekarang. Tanpa follow up kerja atau aktiviti pemasaran menjadi sia-sia.
5. **Referral.** Selain system affiliates yang diamalkan pada website, saya juga suka menggunakan cara tradisi dalam mendapatkan rujukan pelanggan. Setiap dari satu pelanggan saya akan dapatkan sekurang-kurangnya 3 orang.
6. **Menjadikan prospek atau pelanggan sebagai kawan baik.** Bila anda ikhlas, perniagaan itu akan terhasil dengan mudah. Bila pelanggan suka produk atau perkhidmatan yang kita tawarkan, mereka akan datang lagi malah dengan membawa ramai prospek pelanggan!
7. **Kredibiliti.** Ya, perkara yang penting ini jangan dipandang remeh. Kredibiliti anda di internet amatlah penting. Jika pelanggan tidak yakin dengan anda, bagaimana mereka hendak membeli produk dari anda ?. Jadi bagaimana ? Pelajari ilmu dan teknik membina kredibiliti. Ianya memang mengambil masa tetapi kesannya benar-benar berbaloi!

Banyak lagi tips-tips lain yang ada saya tulis di Blog Wanita Niaga.

OSNI: Seterusnya, bagi mengakhiri temuramah eksklusif kita kali ini, apakah nasihat kepada yang baru mula menceburi bidang perniagaan secara online-tips tips dan petua untuk Berjaya seperti Puan Azlina?

Puan Azlina : Teriam kasih kepada Puan Sarah. Seperti kata-kata nasihat dan pandangan saya selama ini yang telah saya curahkan di Forum kesayangan saya, sentiasa berfikiran positif dalam menangani apa jua rintangan. Ingat ya, untuk berniaga online memang mudah tetapi untuk membina dan mengekalkannya amatlah sukar. Justeru, sebelum menceburi atau memasarkan sesuatu produk atau perkhidmatan, lakukan sedikit kajian terlebih dahulu. Kajian produk, kajian pemasaran, kajian 'keyword' dan sebagainya. Jika tidak, masa anda terbuang malah wang ringgit juga mungkin banyak dilaburkan.. tetapi hasilnya tiada. Belajarlah dengan guru bukan bertindak melulu setelah terpujuk dengan kata-kata rayuan dan iklan.

Insyallah semua ilmu dan pengalaman ada saya curahkan di Forum Wanita Niaga dan Blog Tips Wanita Niaga. Sekiranya anda upgrade keahlian.. consultation adalah percuma daripada saya sebagai CEO Forum Wanita Niaga dan juga Managing Director Wanita Niaga Enterprise.



PENUTUP

Ebook ini akan sentiasa di *update* dari semasa ke semasa. Dalam tempoh beberapa bulan dari tarikh ebook v1 ini terbit, insyallah kami akan menerbitkan version yang seterusnya yang akan dikemaskinikan lagi isi-isinya. Kami juga sedang melakukan beberapa projek untuk mengembangkan lagi pemasaran produk fizikal ini. Semua pelanggan layak untuk mendapat faedah-faedah daripada projek-projek kami.

Saya amat mengharapkan sebarang cadangan dan teguran daripada anda. Bolehlah diemailkan kepada emydin@gmail.com.

Saya tidak membuat ebook ini untuk menandingi mana-mana pihak, tetap saya hanya mahu berkongsi dengan anda apa yang saya tahu. Saya juga membuat ebook ini khas untuk para pelanggan saya dengan cara saya yang tersendiri, kerana ramai yang bertanyakan tentang bagaimana membina kedai online.

Apa yang saya harapkan dari saya dan anda, rajin-rajinlah mencari sumber dari internet untuk mencari jawapan bagi soalan anda. Saya menyediakan sistem support. Anda boleh emailkan sebarang permasalahan berkenaan ebook ini.

Semasa proses pembinaan kedai online anda, sekiranya terdapat sebarang masalah, kami sedia menjawab semua soalan anda. Namun, kami mempunyai hampir 100 orang pelanggan setakat ini. Bayangkan setiap hari kami menerima banyak email bertanyakan tentang pelbagai perkara. Jadi, cuba cari dahulu di enjin carian atau forum-forum untuk soalan anda. Jika ada jawapan, boleh *refer* disitu sahaja. Jika tidak menemui jawapannya, anda boleh bertanya terus pada kami.

Cuma di google.com, *keyword* berbahasa inggeris lebih banyak jawapan.

Contoh, jika anda ingin menambah *pages* pada web anda sebanyak 10 *pages* lagi

Macamana nak buat??

Ya... Taip di google.com "**zen cart ez pages**". Banyak jawapan anda akan perolehi.. Akhirnya kami dari syarikat One Stop Nur Iman Enterprise mengucapkan tahniah dan Selamat Maju Jaya buat anda. Kami juga memohon maaf atas sebarang kekurangan dalam produk dan servis yang kami sediakan.



MEMBINA KEDAI ONLINE CARA MUDAH

Semoga projek bisnes kami dan juga projek bisnes anda berjalan lancar.

Terima Kasih kerana membeli produk kami.

Yang Benar,

Suhaimi & Sarah



Ingin mengetahui rahsia SEO? <http://belajar-seo.co.tv>



Pakej Lengkap Panduan Web : <http://sistemkedaionline.info>